

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDİ
[SUNGAI BESAR]**

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

SOALAN :

YB. Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [Sungai Besar] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan berapakah jumlah pinjaman dana pelancongan di bawah Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan yang telah diluluskan dan daripada jumlah ini, berapakah jumlah permohonan yang telah diluluskan kepada pengusaha produk pelancongan luar bandar.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ,
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Seperti yang Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sememangnya ada menawarkan bantuan dana pelancongan dalam bentuk pinjaman (*softloan*) yang dikelolakan oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), iaitu Tabung Pembangunan Infrastruktur Pelancongan (TPIP) kepada pengusaha pelancongan tempatan yang layak.

Tujuan dana ini adalah untuk membantu pengusaha berkeelayakan yang ingin membangunkan atau meningkatkan mutu produk-produk pelancongan termasuk premis penginapan seperti hotel, resort, chalet dan membiayai pembangunan projek-projek seperti taman tema, galeri, muzium dan lain-lain projek yang boleh menjana pendapatan daripada sektor pelancongan.

Sehingga kini, BPMB telah meluluskan 14 permohonan TPIP yang berjumlah RM1.088 Bilion, yang kebanyakannya terletak di kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu (Johor), Petaling Jaya (Selangor), Ipoh (Perak) dan Pulau Pinang. Daripada jumlah ini, terdapat dua (2) buah projek yang terletak di kawasan luar bandar, iaitu di Kinta (Perak) dan Alor Gajah (Melaka). Projek-projek pelancongan yang mendapat pembiayaan TPIP kebanyakannya adalah berskala besar dan terletak di kawasan bandar seperti projek pembangunan bersepadu (*integrated development*) yang merangkumi hotel dan resort bertaraf empat (4) dan lima (5) bintang, serta taman tema.

Selain itu, bagi memberikan kemudahan pembiayaan kepada pengusaha pelancongan di kawasan luar bandar, Kementerian dengan kerjasama Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Bank), telah menawarkan satu lagi kemudahan pembiayaan dana pelancongan melalui Tabung Khas Pelancongan (TKP) mulai pada 1 Oktober 2016. Tabung yang juga berbentuk *softloan* ini ditawarkan khusus kepada usahawan kecil dan sederhana yang mempunyai dana pemegang saham tidak melebihi RM10.0 juta. Jumlah pinjaman yang ditawarkan adalah dari RM250 ribu sehingga RM30 juta. Kadar faedahnya pula ialah BFR +0% sehingga BFR +2.5% setahun.

Tabung Khas Pelancongan ini bertujuan untuk membantu pengusaha pelancongan tempatan yang ingin membangunkan atau menaik taraf premis penginapan pelancong seperti hotel, resort dan chalet serta membiayai pembangunan projek-projek pelancongan seperti taman tema, galeri, muzium, projek perusahaan/ perkilangan yang menghasilkan produk berkaitan pelancongan seperti kraftangan /cenderamata dan penyediaan perkhidmatan pengangkutan yang berkaitan pelancongan seperti *coach*, kereta sewa, feri dan bot *hydrofoil*.

Kementerian ini juga akan terus aktif dalam memberikan insentif dan galakan pelancongan kepada semua pengusaha pelancongan, termasuklah dari kawasan luar bandar di seluruh negara, demi memastikan industri pelancongan akan terus maju, selaras dengan Pelan Transformasi Pelancongan Malaysia iaitu menerima 36 juta kedatangan pelancong dengan RM168 pendapatan pada tahun 2020.

Sekian, terima kasih.